



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**LAPORAN KAJIAN KEROSAKAN (CaST)
BANGUNAN MUZIUM DIRAJA, JABATAN MUZIUM MALAYSIA
JALAN ISTANA, KUALA LUMPUR**



BANGUNAN/PREMIS :

Muzium Diraja

Jalan Istana, 50460 Kuala Lumpur

TARIKH PEMERIKSAAN : 20 – 22 Februari 2019

**BAHAGIAN PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN TEKNOLOGI BANGUNAN
CAWANGAN SENGARA FASILITI BANGUNAN
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA**

Isi Kandungan	Mukasurat		
1.0 PENDAHULUAN	1	4.2.2.3 Lukisan Skematik / Terbina	4
2.0 SEJARAH BANGUNAN	1	4.2.2.4 Genset	4
3.0 PELAN DAN REKABENTUK BANGUNAN	2	4.2.2.5 Lampu	4
4.0 HASIL PEMERIKSAAN KAJIAN KEROSAKAN BANGUNAN	2	4.2.2.6 Closed Circuit Television (CCTV)	4
4.1 Kajian Kerosakan Bangunan	2	4.2.2.7 Feeder Pillar	4
4.2 Kajian Kerosakan Bangunan Muzium Diraja	2	4.2.2.8 Horizontal Lightning Xenon Lamphouse	4
4.2.1 Awam, Struktur Dan Kemasan	2	4.2.3 Sistem Mekanikal	4
4.2.1.1 Bumbung	2	4.2.3.1 Penghawa Dingin	4
4.2.1.2 Tiang	2	4.2.3.2 Peralatan Pencegah Kebakaran	4
4.2.1.3 Siling	2	4.2.3.3 Lif	4
4.2.1.4 Lantai	3	4.2.3.4 Sistem Tangki Air Dalam	5
4.2.1.5 Dinding	3	5.0 ANGGARAN KOS PEMBAIKAN	5
4.2.1.6 Pintu Dan Tingkap	3	6.0 KESIMPULAN	7
4.2.1.7 Sanitari	3	6.0 LAMPIRAN	
4.2.1.8 Serangan Anai-Anai	3	Lampiran 1 - Surat Permohonan	
4.2.1.9 Talang Air Hujan	3	Lampiran 2 - Surat Pelaksanaan Pemeriksaan	
4.2.1.10 Cerun	3	Lampiran 3 - Pelan Dan Rekabentuk Bangunan	
4.2.2 Sistem Elektrik	4	Lampiran 4 - Helaian Kerosakan Dan Kecacatan	
4.2.2.1 Sistem Pendawaian	4	Lampiran 5 - Teg Dan Keadaan Ruang	
4.2.2.2 Bilik MSB / Peti Agihan	4		

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Satu permohonan untuk melaksanakan penilaian keadaan bangunan dan pemeriksaan forensik serta dilapidasi ke atas bangunan Muzium Diraja, Jabatan Muzium Diraja, Jabatan Muzium Malaysia telah dibuat oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia kepada Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya Malaysia pada 21 Disember 2018 (rujuk Lampiran 1). Satu sesi lawatan tinjauan awalan keadaan bangunan Muzium Diraja telah dilaksanakan pada 14 Januari 2019 (rujuk Lampiran 2). Susulan daripada pemeriksaan tinjauan awalan yang telah dilaksanakan, satu pemeriksaan penuh telah dijalankan pada 20 hingga 22 Februari 2019 yang melibatkan pasukan pemeriksa dari Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan, Cawangan Arkitek dan Cawangan Kejuruteraan Elektrik Ibu Pejabat, JKR Malaysia. Manakala pasukan pemeriksa dari Cawangan Kejuruteraan Mekanikal pemeriksaan dilaksanakan pada 4 dan 5 Mac 2019 dan Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur pada 13 Mac 2019. Pegawai dari Cawangan Senggara Fasiliti bangunan yang terlibat dalam pemeriksaan ini adalah seperti berikut :-

- | | |
|--|-------------------------------|
| i. Sr Dr. Syamilah Binti Yacob | - Juruukur Bangunan Kanan |
| ii. Sr Maszamri Abdul Gapar | - Juruukur Bangunan |
| iii. Sr Christina Edmund Rambayan | - Juruukur Bangunan |
| iv. En. Mior Wahidun Asuat M Sabri | - Juruukur Bangunan |
| v. En. Md Fairul bin Zahari | - Penolong Jurutera Awam |
| vi. En. Mohd Ali bin Md Tajudin | - Penolong Jurutera Elektrik |
| vii. En. Mohamad Azzirin bin Abu Dolah | - Penolong Jurutera Mekanikal |

1.2 Objektif

- Pemeriksaan yang dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti kerosakan yang terdapat pada semua blok bangunan di atas tapak Istana Negara Lama iaitu blok istana, balai polis, garaj, kolam renang, taman larangan, blok pentadbiran, gelanggang badminton dan setor muzium alam semulajadi;
- Merekod dan mendokumentasi kerosakan yang terdapat pada semua blok bangunan di atas; dan
- Untuk menentukan kerja pembaikan dan penggantian.

1.3 Metodologi Pemeriksaan

- Menjalankan pemeriksaan fizikal secara visual ke atas blok bangunan :-
 - Muzium Diraja
 - Balairong Seri
 - Pejabat Pentadbiran
 - Balai Polis
 - Garaj
 - Kolam Renang
 - Taman Larangan
 - Setor Muzium Alam Semulajadi
 - Gelanggang Badminton
 - Setor

- Merekodkan penemuan di tapak; dan
- Membuat analisis terhadap kerosakan dan kecacatan yang ditemui.

2.0 SEJARAH BANGUNAN




Muzium Diraja yang terletak di Jalan Istana, Kuala Lumpur dahulunya merupakan Istana Negara lama iaitu kediaman rasmi Seri Paduka baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dari tahun 1957 hingga tahun 2011.

Bangunan Istana Negara yang setinggi dua (2) tingkat dengan 22 bilik termasuk bilik beradu, pejabat, dewan, ruang makan dan istirehat telah diubahsuai untuk dijadikan muzium dan mula dibuka kepada orang ramai pada 1 Februari 2013. Dibuka setiap hari mulai jam 9 pagi hingga 5 petang. Pada peringkat awal, orang ramai akan diiringi oleh pegawai muzium yang akan memberikan taklimat mengenai setiap bilik dan ruang yang pernah digunakan. Penubuhan Muzium Diraja bertujuan untuk memartabatkan Institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia melalui perkongsian maklumat tentang peranan institusi tersebut dan fungsi bangunan itu sendiri.

Bangunan Istana Negara Lama merangkumi dua (2) blok iaitu Istana dan Balairong Seri. Istana merupakan kediaman rasmi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Bangunan yang dibina pada tahun 1928 mempamerkan ruang rasmi dan persendirian Seri Paduka Baginda di mana setiap satunya mempunyai nama khas, fungsi, rekabentuk dan protokolnya sekali. Manakala Balairong Seri pernah digunakan untuk upacara-upacara rasmi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Sejarah Istana Negara bermula sebagai rumah agam yang dibina pada tahun 1928 dan penggunaannya berakhir pada November 2011 apabila Istana Negara yang baharu didirikan di Kompleks Istana Negara di Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Kawasan yang mempunyai keluasan 25 ekar ini mempunyai beberapa blok bangunan. Kedudukan lokasi blok bangunan yang terdapat di kawasan Istana Negara lama ini adalah sepertimana gambar di bawah.



3.0 PELAN DAN REKABENTUK BANGUNAN

Memandangkan lukisan siap bina untuk bangunan ini tidak diperolehi berikut merupakan pandangan blok bangunan dan pelan lantai blok Istana sepertimana di Lampiran 3.

4.0 HASIL PEMERIKSAAN KAJIAN KEROSAKAN BANGUNAN

4.1 Kajian Kerosakan Bangunan

Kajian kerosakan bangunan dilaksanakan untuk mengetahui keadaan fizikal bangunan Muzium Diraja dan blok bangunan lain yang terdapat di kawasan ini. Kajian yang dilaksanakan sebagaimana Protokol 1 iaitu pemeriksaan secara visual untuk mengenalpasti kerosakan fizikal dan didiagnosa untuk mencari punca serta memberi cadangan kerja pembaikan dan pemuliharaan. Hasil dari kajian ini akan digunakan sebagai panduan dalam menentukan arah tuju skop kerja konservasi yang hendak dijalankan dan juga kerja penyenggaraan bangunan ini kelak.

4.2 Kajian Kerosakan Bangunan Muzium Diraja

Pemeriksaan dilaksanakan ke atas semua ruang dan komponen di bangunan Muzium Diraja. Kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa kerosakan dan kecacatan fizikal yang ditemui pada bangunan (rujuk Lampiran 4). Antara kerosakan dan kecacatan yang ditemui adalah seperti dinding konkrit mereput, siling lembap, bumbung bocor dan pecah. Selain daripada itu adalah kehadiran anai-anai, cat dan konkrit mengelupas dinding, air bertakung atas bumbung rata, tangki air bocor, pendawaian elektrik berkarat dan terdedah, lampu tidak menyala, siling runtuh, lantai kayu reput, pokok tumpang, tangga taman larangan kotor dan berlumut siling serta kolam renang yang terbiar tanpa

pembersihan. Bagi sistem mekanikal penghawa dingin yang digunakan pada bangunan ini merupakan jenis model lama dan tidak ada penjimatan tenaga elektrik, manakala sistem elektrik penemuan menunjukkan berlaku masalah pada pendawaian dan lampu secara keseluruhan. Hasil pemeriksaan secara visual, kerosakan dan kecacatan adalah sepertimana di Lampiran 5. Rumusan hasil pemeriksaan adalah sebagaimana berikut :-

4.2.1 Awam, Struktur dan Kemasan

4.2.1.1 Bumbung

a) Bumbung Rata

Penemuan mendapati permukaan bumbung rata berkeadaan baik. Walau bagaimanapun keadaan lapisan kalis lembap yang dipasang didapati berlapis-lapis dan bertindih. Kemungkinan pemasangan lapisan kalis lembap ini tidak mematuhi kaedah yang betul sehingga menyebabkan air meresap masuk ke dalam bangunan. Pada papak bumbung air didapati bertakung disebabkan oleh saluran air yang tersumbat akibat dari tumbuhan serta lumut yang tebal. Kebocoran juga berlaku pada tingkat atas yang menyebabkan lantai kayu reput, karpet basah dan lampu chandelier ditanggalkan bagi mengelakkan daripada terjatuh.

b) Bumbung Curam

Didapati bumbung bangunan balai polis, garaj, gelanggang badminton dan setor telah usang, berlumut, daun-daun kering dan terdapat pokok tumpang yang tumbuh. Keadaan ini menyebabkan bumbung bocor seperti yang berlaku di garaj yang menyebabkan siling dan dinding konkrit mereput. Manakala bumbung dewan gelanggang badminton iaitu jenis dek logam didapati kotor, pudar dan berlumut kesan daripada tindakan perubahan cuaca dan suhu persekitaran selain faktor usia bahan serta kelemahan kerja-kerja penyenggaraan.

c) Bumbung Polycarbonate

Penemuan menunjukkan bumbung polycarbonate di laluan yang menghubungkan setor Muzium Alam Semulajadi dengan tempat memasak telah reput dan pecah.

4.2.1.2 Tiang

Secara keseluruhan tiang adalah berkeadaan baik.

4.2.1.3 Siling

Terdapat kejadian siling runtuh pada tingkat atas di ruang verandah pejabat Agong. Siling ini runtuh disebabkan oleh paku tercabut dari siling asal kerana kayu siling telah reput. Pihak Muzium memaklumkan bahawa dua (2) lapisan siling lepaan yang dipasang pada siling sedia ada yang mana terdapat baldi yang digunakan untuk menadah kebocoran berada di atas ruangan siling. Selain daripada itu, siling juga mengalami kelembapan, cat mengelupas serta reput akibat daripada kebocoran pada ruang atas siling. Di bangunan setor Muzium Alam Semulajadi berlaku kebocoran pada bumbung yang menyebabkan siling gantung mereput. Manakala pada bangunan garaj siling telah mereput dan jatuh disebabkan kebocoran yang berlaku pada bumbung.

Penemuan di gelanggang badminton menunjukkan soffit kayu didapati reput dan rosak akibat kebocoran pada talang air hujan. Terdapat kelembapan dan algae tumbuh pada permukaan soffit yang disebabkan kegagalan talang air hujan berfungsi sepenuhnya serta tidak ada kerja-kerja pembaikan dibuat setelah kerosakan dikenalpasti. Terdapat kelembapan dan permukaan siling berlubang pada bangunan pentadbiran. Kelembapan ini disebabkan oleh kegagalan lapisan kalis lembap, manakala siling berlubang disebabkan oleh kesan gigitan makhluk perosak iaitu tikus.

4.2.1.4 Lantai

a) Parquet

Penemuan menunjukkan terdapat lantai mengelembung di tingkat atas iaitu laluan ke bilik tetamu dan bilik dobi. Ini berlaku disebabkan oleh udara yang terperangkap di dalam lapisan lantai kayu dan menolak kepingan kayu menyebabkan lantai tersebut mengelembung. Terdapat juga kemas lantai yang telah reput disebabkan oleh kebocoran pada ruangan siling dan bumbung. Di dewan gelanggang badminton kemas lantai jenis *parquet* tercabut dan tidak rata (mengelembung). Penemuan mendapati ada serangan makhluk perosak terutama anai-anai di bahagian tempat duduk dan pentas dalam dewan.

b) Karpet

Didapati kebanyakan kemas karpet telah mengalami perubahan warna. Ini berkemungkinan kesan lembap yang lama dan faktor usia karpet. Terdapat juga kemas karpet yang mengalami kelembapan di ruangan tangga menghala ke tingkat atas apabila berlaku hujan lebat air hujan meresap masuk melalui tingkap *skylight* dan menitik ke atas karpet. Ini menyebabkan karpet mengalami kelembapan akibat daripada kemasukan air hujan. Kemas karpet di bangunan pentadbiran tercabut dan tidak rata terutama di kawasan laluan dan hampir keseluruhan ruangan pejabat. Ini berkemungkinan kelemahan kerja-kerja pemasangan dan faktor usia bahan.

4.2.1.5 Dinding

Didapati keadaan dinding bangunan muzium dan balairung seri adalah baik. Tiada keretakan yang ketara dikesan pada keseluruhan dinding bangunan. Walau bagaimanapun kertas dinding kebanyakannya telah koyak dan tanggal. Penemuan juga menunjukkan berlaku kelembapan pada permukaan dinding. Ini berkemungkinan disebabkan oleh resapan air dari kebocoran yang berlaku pada bumbung bangunan. Di bangunan setor Muzium Alam Semulajadi juga berlaku kelembapan pada dinding. Ini berpunca dari resapan air yang turun melalui paip salur tegak (RWDP) dan juga tingkap. Penemuan juga menunjukkan terdapat juga dinding konkrit pada bangunan garaj telah reput dan pecah, lembap dan berkulat disebabkan oleh kebocoran yang berlaku pada bumbung. Didapati terdapat keretakan dan resapan air pada dinding dewan gelanggang badminton dimana ianya merupakan kesan dari kegagalan lapisan kalis lembap bahagian lantai atas. Selain daripada itu, hampir keseluruhan dinding luar bangunan mengalami pengelupasan kemas cat. Ini kerana faktor usia selain terdedah kepada

cuaca dan kelemahan kerja-kerja penyenggaraan. Didapati terdapat resapan air pada dinding, kemas cat mengelembung dan lembap pada bangunan pentadbiran. Ini berpunca daripada kegagalan lapisan kalis lembap di bahagian bumbung rata dan *expansion joint* berfungsi dengan baik. Selain daripada itu, hampir keseluruhan dinding luar bangunan mengalami cat mengelupas.

4.2.1.6 Pintu dan Tingkap

Keadaan semua pintu dan tingkap bangunan muzium, balairung seri dan setor Muzium Alam Semulajadi adalah baik. Walau bagaimanapun terdapat beberapa tombol pintu ketat dan sukar dibuka. Bagi kerangka tingkap, penemuan menunjukkan di beberapa tempat terutamanya tandas telah reput. Manakala penemuan di dewan gelanggang badminton menunjukkan hampir kesemua pintu senget dan sukar untuk dibuka sepenuhnya kerana engsel telah rosak. Terdapat kemas cat pada pintu tertanggal dan terhakis kerana faktor usia bahan. Selain daripada itu, kehilangan tombol pintu dan selak juga berlaku di kebanyakan lokasi pintu terutama pintu kayu. Cermin tingkap tandas di bangunan pentadbiran pecah. Ini disebabkan oleh kecuaian semasa kerja-kerja pembersihan.

4.2.1.7 Sanitari

Kebanyakan mangkuk tandas di tandas lelaki dan tandas perempuan di tingkat bawah telah berkerak disebabkan oleh pengaratan pada paip air. Di tandas lelaki, penutup sinki telah tercabut. Manakala di tandas perempuan, tempat menggantung pili air terlalu tinggi. Hampir semua *urinal bowl* kotor dan terdapat kesan air di dewan gelanggang badminton. Ini kerana injap telah rosak dan sistem perpaipan gagal berfungsi dengan baik.

4.2.1.8 Serangan Anai-Anai

Bangunan muzium ini juga tidak lari daripada terkena serangan anai-anai. Ini mungkin disebabkan oleh bahan binaan yang terdiri daripada kayu menjadi daya tarikan anai-anai. Rawatan anai-anai perlu dilaksanakan dengan segera.

4.2.1.9 Talang Air Hujan

Di bangunan garaj dan balai polis terdapat pokok tumpang yang telah tumbuh pada talang air hujan. Selain daripada itu, daun-daun yang kering juga tidak dibersihkan pada talang hujan. Keadaan ini menyebabkan talang air hujan tersebut tersumbat dan air melimpah sekiranya berlaku hujan. Air bertakung pada talang air hujan dikhuatiri akan menjadi tempat pembiakan nyamuk.

4.2.1.10 Cerun

Cerun didapati tidak mempunyai sistem perparitan. Perlindungan permukaan cerun didapati kurang memuaskan dan terdedah kepada hakisan sekiranya berlaku hujan. Penemuan juga menunjukkan tanah telah menolak dinding tembok penahan konkrit menyebabkannya retak dan tertolak ke hadapan.

4.2.2 Sistem Elektrik

4.2.2.1 Sistem Pendawaian Elektrik

Pendawaian di bangunan ini dalam keadaan tidak berfungsi sepenuhnya. Ini berkemungkinan disebabkan oleh jangka hayat pendawaian yang telah lama serta penambahan pendawaian telah dilaksanakan tanpa mengira bebanan sedia ada. Penemuan juga menunjukkan terdapat kabel-kabel yang terdedah serta pendawaian yang tidak mengikut spesifikasi. Banyak peralatan elektrik terutamanya lampu tidak berfungsi. Adalah dicadangkan buat pendawaian baru jenis tahan cuaca.

4.2.2.2 Bilik Main Switch Board (MSB) / Peti Agihan

Penemuan menunjukkan peti agihan di muzium dan balairong seri tidak dapat berfungsi dengan sempurna dan tidak melakukan ujian calibration (penatahan). Penemuan juga mendapati ada kesan kebocoran air berlaku di dalam bilik suis. Kebocoran yang berlaku di dalam bilik suis boleh mendatangkan bahaya dan renjatan elektrik serta boleh merosakkan peralatan elektrik yang lain. Selain daripada itu, terdapat benda asing di dalam bilik MSB dan pintu tidak mengikut spesifikasi.

4.2.2.3 Lukisan Skematik / Terbina

Secara keseluruhan, didapati tiada lukisan skematik / terbina pada *Distribution Board (DB)*, *Sub Switch Board (SSB)* dan *Main Switch Board (MSB)* menyebabkan kerja-kerja penyenggaraan sukar dilaksanakan.

4.2.2.4 Genset

Semasa pemeriksaan dilaksanakan bilik genset tidak dapat diakses.

4.2.2.5 Lampu

Semasa pemeriksaan dilaksanakan, penemuan mendapati semua lampu tidak menyala di bumbung muzium dan pendawaian didapati telah rosak. Di ruang galeri dan balairong seri kebanyakan lampu *candle light ceiling*, *candle light wall*, *downlight* dan *fluorescent* tidak berfungsi. Ini menyebabkan pihak Muzium terpaksa menggunakan spotlight untuk menerangi ruang-ruang pameran yang mana pencahayaan dari spotlight tersebut tidak sesuai untuk barang artifak. Selain daripada itu, keseluruhan lampu KELUAR juga tidak berfungsi. Pengujian penebatan harus dilaksanakan bagi memastikan masalah lampu KELUAR tersebut.

4.2.2.6 Closed Circuit Television (CCTV)

Penemuan mendapati sebanyak 43 daripada 62 unit CCTV tidak berfungsi akibat kerosakan kabel dan juga CCTV itu sendiri.

4.2.2.7 Feeder Pillar

Hampir keseluruhan feeder pillar mengalami kerosakan disebabkan tiada kerja-kerja penyenggaraan.

4.2.2.8 Horizontal Lightning Xenon Lamphouse

Keseluruhan sistem Horizontal Lightning Xenon Lamphouse tidak berfungsi akibat kelemahan penyenggaraan dan tiada alat ganti.

4.2.3 Sistem Mekanikal

4.2.3.1 Penghawa Dingin

Kebanyakan sistem yang digunakan pada bangunan ini adalah dari jenis model lama dan telah uzur. Penggunaan jenis model lama menyebabkan tidak ada penjimatan tenaga elektrik. Permukaan fizikal sistem penghawa dingin telah uzur dan memerlukan penggantian secara keseluruhan mengikut spesifikasi terkini. Sistem penghawa dingin jenis standing floor memerlukan pengudaraan apabila sistem berfungsi bagi memastikan komponen mempunyai jangka hayat yang panjang. Oleh yang demikian, sistem tersebut tidak sesuai diletakkan di dalam kabinet yang tertutup secara keseluruhan. Adalah dicadangkan agar penghawa dingin digantikan dengan yang baru supaya suhu bilik dapat dikawal dan berfungsi dengan baik. Sistem penghawa dingin juga perlu dibuat senggaraan secara berkala bagi mengekalkan fungsinya. Bagi setor Muzium Alam Semulajadi penghawa dingin yang sepatutnya disediakan hendaklah bersesuaian dengan spesimen dan binatang yang telah diawet. Ini bagi mengelakkan barangan tersebut mengalami kerosakan dan serangan kulat.

4.2.3.2 Peralatan Pencegah Kebakaran

Penemuan menunjukkan sistem pencegah kebakaran iaitu pemadam api (*fire extinguisher*) telah tamat tempoh tarikh pensijilan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Pembaharuan sijil perlu dilakukan bagi tujuan pengesahan kegunaan dan keselamatan. Terdapat juga kabinet *hose reel* yang tidak dtandakan warna merah atau dilabelkan mengikut piawaian. Kedudukan peralatan pencegah kebakaran bangunan perlu dipatuhi dan ditandakan untuk kegunaan semasa kecemasan. Bagi mengurangkan berlakunya kerosakan pada sistem, pam hose reel perlu dipraktikkan kefungsiannya secara berkala. Sistem ini merupakan keperluan utama dalam keselamatan bangunan. Bagi sistem penggera kebakaran, papan utama perlu diperiksa oleh JBPM dan diaktifkan sepanjang masa bagi tujuan memberi arahan sekiranya berlaku kebakaran awal serta dapat berfungsi dengan baik termasuk aksesori yang berkaitan.

4.2.3.3 Lif

Bangunan muzium ini mempunyai satu (1) lif yang digunakan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa menjadi istana dulu. Lif ini didapati tidak berfungsi dan punca kerosakan perlu merujuk kepada pakar. Bagi memastikan lif ini berfungsi, peralatan lif perlu diperiksa dan dibaiki untuk kemudahan angkut ke tingkat atas. Pemeriksaan dan penyenggaraan lif perlu dilakukan oleh orang yang kompeten dan bertauliah serta mendapat pengesahan daripada pihak Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Pemeriksaan secara berjadual perlu dilaksanakan bagi tujuan keselamatan penggunaan.

4.2.3.4 Sistem Tangki Air Dalam

Kebanyakan aksesori berkaitan dengan tangki air telah berkarat dan berlaku kebocoran. Faktor ini disebabkan oleh cuaca. Bagi mengelakkan pembaziran bekalan air bersih, kesemua aksesori tangki air perlu disenggara dan diganti. Penyenggaraan juga dibuat bagi mengekalkan tekanan penghantaran dan pengagihan air.

5.0 ANGGARAN KOS PEMBAIKAN

Anggaran kos yang disediakan adalah melibatkan kerja-kerja pembaikan dan penggantian sahaja tidak termasuk kos untuk kerja-kerja pemuliharaan. Anggaran kos kerja pembaikan dan penggantian secara asas yang diperolehi melalui pemerhatian secara visual adalah sebanyak **RM10,036,043.30**. Anggaran kos ini tidak termasuk kerja-kerja pemuliharaan kepada komponen-komponen yang perlu dikekalkan. Walau bagaimanapun keperluan anggaran kos bagi kerja pemuliharaan adalah berdasarkan kepada pernyataan kaedah (*method statement*) yang perlu disediakan oleh konservator Arkitek. Perincian anggaran kos adalah seperti berikut :-

Jadual 1 – Ringkasan Anggaran Kos

Item	Keterangan	Jumlah (RM)
A	Kerja-Kerja Pembaikan dan Penggantian Sivil, Struktur dan Kemasan	3,987,000.00
B	Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penggantian Sistem Mekanikal	4,150,000.00
C	Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penggantian Sistem Elektrik	634,342.00
	JUMLAH (RM)	8,720,342.00
	KERJA-KERJA LUAR JANGKA (15%)	1,315,701.30
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	10,036,043.30

Jadual 2 – Senibina, Awam, Struktur Dan Kemasan

Item	Keterangan	Jumlah (RM)
A1	Kerja-Kerja Pembaikan dan Penggantian Sivil, Struktur dan Kemasan (Istana & Balairung Seri)	
1	Kerja-kerja rawatan dan pencegahan serangga perosak dan anai-anai di keseluruhan kawasan (termasuk jaminan tiga (3) tahun)	10,000.00
2	Kerja-kerja pembaikan lapisan kalis lembap bumbung rata bangunan	150,000.00
3	Kerja-kerja pembaikan / penggantian set kunci, <i>door stopper</i> dan tombol pintu termasuk aksesori	51,000.00
4	Kerja-kerja pembaikan / penggantian siling dan soffit yang rosak untuk keseluruhan bangunan dengan bahan dan kaedah yang diluluskan	150,000.00
5	Kerja-kerja pembaikan dinding termasuk rawatan kelembapan dan mengecat semula dinding dalam bangunan menggunakan cat dan kaedah yang diluluskan	180,000.00
6	Kerja-kerja penggantian aksesori dan kelengkapan tandas (sinki, mangkuk tandas, cistern dan perangkap botol)	50,000.00
7	Kerja-kerja penggantian paip air yang bocor / rosak dan paip overflow tangka di dalam bangunan	20,000.00
8	Kerja-kerja pembaikan kemasan lantai (jubin, karpet dan <i>cement render</i>) termasuk kerja-kerja pembersihan karpet dengan menggunakan bahan cucian serta kaedah yang diluluskan	353,000.00
9	Kerja-kerja menukar ganti pintu kayu yang rosak termasuk cat	60,000.00
10	Kerja-kerja pembaikan <i>concrete spalling</i> dan keretakan pada tepi kubah utama dan kecil muzium	50,000.00
11	Kerja-kerja pembaikan pada <i>skylight</i> dan papak bangunan dan siling yang mengalami kebocoran menggunakan bahan dan kaedah yang diluluskan	200,000.00
12	Kerja-kerja pembersihan pada permukaan papak serta dinding dari akar pokok tumbuhan liar dengan kaedah yang diluluskan	20,000.00

Item	Keterangan		Jumlah (RM)
A1	Kerja-Kerja Pembaikan dan Penggantian Sivil, Struktur dan Kemasan (Istana & Balairung Seri)		
	13	Kerja-kerja pembaikan dengan menampal semula kertas dinding yang telah terkopek	3,500.00
	14	Kerja-kerja pembaikan kepingan kayu lantai yang lembap dan reput dengan kaedah yang diluluskan	5,000.00
	15	Kerja-kerja penggantian pada kerangka tingkap yang reput dari jenis kayu yang sama serta kaedah yang diluluskan	10,000.00
	16	Kerja-kerja pembaikan skirting yang renggang dan retak menggunakan bahan dan kaedah yang diluluskan	1,500.00
	17	Kerja-kerja pembaikan / penggantian bumbung polycarbonate dari jenis bahan dan kaedah yang diluluskan	50,000.00
		JUMLAH KESELURUHAN	1,364,000.00
A2	Kerja-Kerja Pembaikan dan Penggantian Sivil, Struktur dan Kemasan (Pentadbiran)		
	1	Kerja-kerja rawatan dan pencegahan serangga perosak dan anai-anai di keseluruhan kawasan (termasuk jaminan tiga (3) tahun)	10,000.00
	2	Kerja-kerja pembaikan lapisan kalis lembap bumbung rata bangunan	150,000.00
	3	Kerja-kerja pembaikan / penggantian set kunci dan tombol pintu termasuk aksesori	50,000.00
	4	Kerja-kerja pembaikan / penggantian siling dan soffit yang rosak untuk keseluruhan bangunan	50,000.00
	5	Kerja-kerja pembaikan dinding dan mengecat dinding dalam bangunan menggunakan cat dan kaedah yang diluluskan	300,000.00
	6	Kerja-kerja penggantian aksesori dan kelengkapan tandas (sinki, mangkuk tandas, cistern dan perangkap botol)	10,000.00
	7	Kerja-kerja penggantian paip air yang bocor / rosak dan paip overflow tangka air di dalam bangunan	20,000.00
	8	Kerja-kerja pembaikan kemasan lantai (karpet dan cement render)	150,000.00

A2	Kerja-Kerja Pembaikan dan Penggantian Sivil, Struktur dan Kemasan (Blok Pentadbiran)		
	9	Kerja-kerja menukar ganti pintu kayu yang rosak termasuk cat	50,000.00
		JUMLAH KESELURUHAN	790,000.00
A3	Kerja-Kerja Pembaikan dan Penggantian Sivil, Struktur dan Kemasan (Balai Polis)		
	1	Kerja-kerja pembaikan / penggantian tingkap dan pintu dari bahan dan kaedah yang diluluskan termasuk aksesori	15,000.00
	2	Kerja-kerja pembaikan / penggantian karpet dari jenis dan kaedah yang diluluskan	50,000.00
	3	Kerja-kerja pembaikan dinding / siling lembap dan mengecat dinding dalam bangunan menggunakan cat dan kaedah yang diluluskan	150,000.00
	4	Kerja-kerja pembaikan kerangka pintu yang pecah dengan bahan dan kaedah yang diluluskan	50,000.00
	5	Kerja-kerja penggantian siling menggunakan bahan dan jenis serta kaedah yang diluluskan	50,000.00
	6	Kerja-kerja pembaikan bumbung bocor serta menggantikan kemasan bumbung dari jenis yang sama dengan kaedah yang diluluskan	150,000.00
		JUMLAH KESELURUHAN	465,000.00
A4	Kerja-Kerja Pembaikan dan Penggantian Sivil, Struktur dan Kemasan (Garaj dan Setor)		
	1	Kerja penggantian siling kayu yang reput dan berlubang dari jenis bahan dan kaedah yang diluluskan	25,000.00
	2	Kerja-kerja pembersihan	3,000.00
	3	Kerja-kerja pembaikan / penggantian pintu roller shutter termasuk aksesori yang berkaitan	50,000.00
	4	Kerja-kerja pembaikan dinding dengan memasang semula panel dinding dari jenis dan kaedah yang diluluskan termasuk mengecat semula	150,000.00

Item	Keterangan		Jumlah (RM)
A4	Kerja-Kerja Pembaikan dan Penggantian Sivil, Struktur dan Kemasan (Garaj dan Setor)		
5	Kerja-kerja pembaikan / penggantian bumbung yang bocor		100,000.00
6	Kerja-kerja penggantian tingkap dari jenis dan kaedah yang diluluskan		25,000.00
7	Kerja-kerja pembaikan / penggantian siling dan soffit yang rosak untuk keseluruhan bangunan		25,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN		378,000.00
A5	Kerja-Kerja Pembaikan dan Penggantian Sivil, Struktur dan Kemasan (Dewan Badminton)		
1	Kerja-kerja rawatan dan pencegahan serangga perosak dan anai-anai di seluruh kawasan (termasuk jaminan tiga (3) tahun)		15,000.00
2	Kerja-kerja pembaikan lapisan kalis lembap bumbung rata bangunan		250,000.00
3	Kerja-kerja pembaikan / penggantian set kunci dan tombol pintu termasuk aksesori dan pintu kayu yang rosak		60,000.00
4	Kerja-kerja pembaikan / penggantian siling dan soffit yang rosak untuk keseluruhan bangunan		50,000.00
5	Kerja-kerja pembaikan dinding dan mengecat dinding dalam bangunan menggunakan cat dan kaedah yang diluluskan		250,000.00
6	Kerja-kerja penggantian aksesori dan kelengkapan tandas (sinki, mangkuk tandas, cistern dan perangkap botol)		45,000.00
7	Kerja-kerja penggantian paip air yang bocor / rosak dan paip overflow tangka air di dalam bangunan		20,000.00
8	Kerja-kerja pembaikan kemasan lantai (parquet dan <i>cement render</i>)		250,000.00
9	Kerja-kerja pembersihan dan pembaikan longkang sekeliling bangunan		50,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN		990,000.00

Jadual 3 – Sistem Mekanikal Dan Sistem Elektrik

Item	Keterangan		Jumlah (RM)
B	Kerja-Kerja Pembaikan dan Penggantian Sistem Mekanikal		
1	Penggantian keseluruhan sistem penyaman udara		2,195,000.00
2	Penggantian keseluruhan sistem pencegah kebakaran		825,000.00
3	Pembaikan dan penggantian sistem bekalan air dalaman dan perpaipan sanitari		560,000.00
4	Penggantian keseluruhan sistem lif		500,000.00
5	Penggantian keseluruhan sistem kolam renang		70,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN		4,150,000.00
C	Kerja-Kerja Pembaikan dan Penggantian Sistem Elektrik		
1	Kerja-kerja membaik pulih pemasangan elektrik		568,342.00
2	Lawatan / Pemeriksaan orang kompeten / pengujian/ kerja-kerja luar jangka		66,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN		634,342.00

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penemuan yang diperolehi semasa pemeriksaan kajian kerosakan dilaksanakan mendapati bahawa keseluruhan komponen bangunan perlu dipulihara dan dibaiki. Masalah kerosakan bangunan berpunca daripada masalah kelembapan iaitu kebocoran pada bumbung bangunan, resapan air yang memasuki bangunan, perubahan cuaca dan faktor usia. Kesan kelembapan dapat dilihat secara visual melalui kotoran, kesan basah, permukaan karpet pudar warna, lantai kayu dan siling reput serta kertas dinding yang tidak melekat pada permukaan dinding. Selain daripada itu, kelemahan kerja-kerja penyenggaraan dan terdapat bangunan seperti balai polis, garaj, gelanggang badminton dan setor dibiarkan kosong juga menyumbang kepada berlaku kerosakan dan kecacatan bangunan termasuk sistem elektrik.

Kerja-kerja pemuliharaan, pembaikan dan penggantian perlu mengambilkira pelbagai aspek dan pandangan pihak-pihak yang bertanggungjawab memandangkan bangunan ini merupakan bangunan yang telah diwartakan sebagai tapak warisan oleh Jabatan Warisan Negara.

Memandangkan bangunan ini terletak di atas tapak warisan pemuliharaan mestilah mematuhi prinsip-prinsip pemuliharaan sebagaimana terkandung di dalam Garis Panduan Pemuliharaan oleh Jabatan Warisan Negara. Sebarang cadangan pembangunan mestilah terlebih dahulu memohon kebenaran daripada Pesuruhjaya Warisan.

Disediakan Oleh:



Sr Christina Edmund Rambayan
 Juruukur Bangunan
 BPPTB, CSFB
 JKR IP Malaysia

Disemak Oleh:



Sr Dr. Syamilah bt Jacob
 Juruukur Bangunan Kanan
 BPPTB, CSFB
 JKR IP Malaysia

LAMPIRAN 1
SURAT PERMOHONAN

Semb. Asal

CAWANGAN SENGGARA FASILITI BANGUNAN

DITERIMA

10 JAN 2019

☒ BPKS ☐ BPPB ☐ BFKDN&K

☒ TINDAKAN ☐ MAKLUMAN

TKPKR (BANGUNAN)

DITERIMA

09 JAN 2019

☐ OKBA 1 ☐ OKBA 2 ☐ OKBA 3 ☐ OKBA 4

☐ OKS ☐ OKP ☐ OKR ☐ OKRB

☐ Tindakan ☐ Makluman

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

MOTAC/KSU 675-1/2-2

21 Disember 2018

10 JAN 2019 46.



YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha

Ketua Pengarah
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
505820 KUALA LUMPUR

YBhg. Dato' Sri,

PERMOHONAN UNTUK PENILAIAN KEADAAN BANGUNAN DAN PEMERIKSAAN FORENSIK BANGUNAN MUZIUM DIRAJA, JABATAN MUZIUM MALAYSIA, OLEH JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA (JKR)

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato' Sri mengenai perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato' Sri, lanjutan daripada lawatan tapak ke Muzium Diraja oleh wakil dari Unit Perancang Ekonomi (EPU), Pejabat Belanjawan Negara (MOF), Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Kerja Raya (JKR), Cawangan Kerja Bangunan Am 2 dan Bahagian Pembangunan Prasarana Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang diketuai oleh YBhg. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOTAC pada 28 November 2018 telah mengesyorkan agar satu pemeriksaan dan penilaian keadaan bangunan dan juga pemeriksaan forensik dilaksanakan bagi keseluruhan bangunan Muzium Diraja.

3. Penilaian ini disyorkan atas justifikasi usia bangunan tersebut yang telah melebihi 90 tahun dengan keadaan terlalu usang dan sering berlaku kerosakan. Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk memastikan bangunan Muzium Diraja tersebut masih selamat untuk digunakan dan juga mengkaji keperluan sebarang kerja pemuliharaan dan pemuliharaan atau rektifikasi struktur bangunan.

PEJABAT KPKR

DITERIMA

08 JAN 2019

☐ TKPKR (INFRA) ☒ TKPKR (BANGUNAN) ☐ TKPKR (PAKAR)

☐ CDPK ☐ CPAB ☐ CREATE

☐ SEGERA ☐ MAKLUMAN ☐ BINCANG

TJBK ut 1/11

4. Sehubungan itu, Kementerian ini ingin memohon pertimbangan dan kelulusan YBhg. Dato' Sri agar cawangan pakar yang berkaitan dapat membantu dalam pelaksanaan pemeriksaan keselamatan bangunan dan forensik di bangunan Muzium Diraja tersebut beserta anggaran kos keseluruhan untuk kerja-kerja pembaikan, pemulihan dan pemuliharaan tersebut.

5. Untuk makluman YBhg. Dato' Sri juga, bangunan Muzium Diraja telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan telah diserahkan kepada MOTAC melalui Jabatan Muzium Malaysia pada 14 Oktober 2011. Justeru, Kementerian ini juga ingin mendapatkan khidmat nasihat dan kepakaran daripada YBhg. Dato' Sri untuk menyediakan satu kajian dilapidasi terhadap tahap sebenar kerosakan bangunan dan tapak bangunan Muzium Diraja ini.

6. Oleh itu, segala perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' Sri dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih. *Salam hormat.*

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Fredy

DATUK RASHIDI HASBULLAH

LAMPIRAN 2
SURAT PELAKSANAAN PEMERIKSAAN



CAWANGAN SENGGERA FASILITI BANGUNAN

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Tingkat 1,4 & 6, Blok F
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Telefon : (+603) 2610 7243
Faks : (+603) 2610 7939
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>

Ruj. Kami : JKR/SKS(FB)/090.050/1 Jld. 11 **67**
Tarikh : **12** Februari 2019

Ruj. Kami : JKR/SKS(FB)/090.050/1 Jld. 11 **67**
Tarikh : **12** Februari 2019

Pengarah
Muzium Diraja
Jalan Istana
50460 Kuala Lumpur

Tuan,

**PERMOHONAN UNTUK PENILAIAN KEADAAN BANGUNAN DAN PEMERIKSAAN
FORENSIK BANGUNAN MUZIUM DIRAJA, JABATAN MUZIUM MALAYSIA OLEH
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA (JKR)**
- Pelaksanaan Pemeriksaan

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pemeriksaan kerosakan dan dilapidasi bangunan Muzium Diraja, Jabatan Muzium Malaysia akan dilaksanakan sepertimana ketetapan berikut:-

Tarikh : 20-22 Februari 2019 (Rabu-Jumaat)
Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Muzium Diraja, Jabatan Muzium Malaysia
Program : Rujuk Lampiran 1

3. Untuk makluman pihak tuan, pasukan pemeriksa melibatkan tujuh (7) orang pegawai dari Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan dan lima (5) orang pegawai dari Cawangan Arkitek, Jabatan Kerja Raya Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, pejabat ini memohon kerjasama daripada pihak tuan untuk menyediakan perkara-perkara berikut bagi tujuan pemeriksaan :-

- Kakitangan yang boleh membantu dalam urusan mengakses tempat / ruang pemeriksaan
- Memastikan tiada halangan untuk mengakses kawasan yang terlibat.

4. Semoga mendapat perhatian dan segala kerjasama pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,

(Ir. AZIZUL BIN ARIEFIN)

Pengarah
Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan
Ibu Pejabat JKR Malaysia

s.k


- Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia
Aras 17, No.2, Jalan P5/6, Presint 6
62200 Putrajaya
(u.p : Ir. Zamsari bin Mohamad)
- Pengarah Kanan
Cawangan Arkitek
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 11, Menara Tun Ismail Mohamed Ali
No.25, Jalan Raja Laut
50582 Kuala Lumpur
(u.p : Unit Konservasi, Bahagian Kepakaran Senibina)
- Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Tingkat 24-28, Blok G
Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
- Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Tingkat 11-16, Blok G
Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
- Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Awam Dan Struktur
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Tingkat 4 – 10, Menara Kerja Raya (Blok G)
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
(Bahagian Perkhidmatan Forensik Struktur)
- Ketua Bahagian
Bahagian Pemantauan, Penilaian Dan Teknologi Bangunan
Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan
Tingkat 6, Blok F
Ibu Pejabat JKR Malaysia
(u.p : Sr Dr. Syamilah binti Yacob
Sr Maszamri Abdul Gapar
Sr Christina Edmund Rambayan
En. Mior Wahidun Asuat M. Sabri
En. Md Fairul Zahari
En. Mohd Ali bin Md. Tajudin
En. Mohamad Azzirin bin Abu Dolah)



LAMPIRAN 3
PELAN DAN REKABENTUK BANGUNAN




Balai Polis (A)



Garaj (B)



Setor (C)



Istana (D)



Taman Larangan (G)




Kolam Renang (F)




Dewan Gelanggang Badminton (E)

KEDUDUKAN LOKASI BLOK BANGUNAN DI TAPAK ISTANA LAMA (MUZIUUM DIRAJA)





PELAN LANTAI TINGKAT BAWAH



PELAN LANTAI TINGKAT ATAS

LAMPIRAN 4
HELAIAN KEROSAKAN / KECACATAN


No. Helaian Kecacatan	001	Aras	Bumbung
		Lokasi	Muzium
		Elemen/ Komponen	Lapisan Kalis Lembap
		PENEMUAN	
		Skala Pemeriksaan	4
		Keterangan Kecacatan/kerosakan	
		Berkeadaan baik	
		Tindakan	
		Lapisan kalis lembap yang lama perlu dikikis terlebih dahulu sebelum memasang yang baru	
No. Helaian Kecacatan	002	Aras	Bumbung
		Lokasi	Muzium
		Elemen/ Komponen	Lapisan Kalis Lembap
		PENEMUAN	
		Skala Pemeriksaan	4
		Keterangan Kecacatan/kerosakan	
		Berkeadaan baik	
		Tindakan	
		Lapisan kalis lembap yang lama perlu dikikis terlebih dahulu sebelum memasang yang baru	
No. Helaian Kecacatan	003	Aras	Bumbung
		Lokasi	Muzium
		Elemen/ Komponen	Papak Bumbung
		PENEMUAN	
		Skala Pemeriksaan	3
		Keterangan Kecacatan/kerosakan	
		Berlumut dan air bertakung	
		Tindakan	
		Melaksanakan kerja-kerja pembersihan	
No. Helaian Kecacatan	004	Aras	Bumbung
		Lokasi	Muzium
		Elemen/ Komponen	Papak Kubah
		PENEMUAN	
		Skala Pemeriksaan	4
		Keterangan Kecacatan/kerosakan	
		Konkrit mengelupas	
		Tindakan	
		Kerja lepaan semula mengikut kaedah dan bahan yang diluluskan	
No. Helaian Kecacatan	005	Aras	Bumbung
		Lokasi	Muzium
		Elemen/ Komponen	Papak Bumbung
		PENEMUAN	
		Skala Pemeriksaan	3
		Keterangan Kecacatan/kerosakan	
		Pokok tumpang, berlumut dan air bertakung	
